

03 MAR 1997

Abdullah-Croatia

PASUKAN EPU AKAN DIHANTAR KE CROATIA

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Malaysia akan menghantar satu pasukan yang diketuai Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi mengenal pasti jenis industri kecil yang boleh diwujudkan di Croatia bagi membantu askar-askarnya yang menganggur selepas tamatnya perang di Bosnia-Herzegovina.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, cadangan menghantar pasukan itu ke sana dibuat oleh Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa ketika mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

"Perdana Menteri kita menyambut baik cadangan itu dan bersetuju menghantar pasukan itu secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas kunjungan itu.

Dr Mahathir kemudian mengadakan perbincangan dengan rombongan yang mengikuti Perdana Menteri Croatia yang antaranya terdiri daripada Menteri-menteri Ekonomi, Pelancongan, Hal-ehwal Luar, Pengangkutan dan Komunikasi serta wakil-wakil syarikat perkapalan dan industri elektrik.

Abdullah berkata, Matesa membuat cadangan itu kerana khuatir jika askar-askar berkenaan tidak dibantu, banyak masalah akan timbul nanti.

Abdullah berkata kedua-dua Perdana Menteri juga bersetuju supaya Croatia dan Malaysia mengambil bahagian lebih aktif dalam bidang penjana kuasa, pembuatan kapal dan pembinaan.

"Kedua-dua mereka menganggap tiga bidang itu baik untuk dijadikan asas kerjasama kerana masing-masing mempunyai kelebihan dalam bidang-bidang itu," katanya.

Dalam pertemuan selama lebih sejam itu, beliau berkata, Dr Mahathir dan Matesa turut berpendapat yang persetujuan yang diambil dahulu oleh Malaysia, Croatia dan Bosnia untuk bermuafakat dan bekerjasama bagi melaksanakan beberapa projek ekonomi di Bosnia-Herzegovina, tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Oleh itu, Abdullah berkata kedua-dua Perdana Menteri merasakan adalah penting bagi mengesa syarikat swasta di negara masing-masing melaksanakan projek-projek berkenaan.

Ketika ditanya apakah punca gagalnya persetujuan kerjasama tiga negara itu, Abdullah berkata: "Perdana Menteri menyatakan kemungkinan syarikat-syarikat swasta negara ini terlalu aktif dengan perniagaan di negara lain yang menarik perhatian mereka.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau akan menggalakkan pihak swasta pergi ke Croatia untuk mengambil bahagian dalam bidang industri yang dipersetujui dahulu dan memastikan kemuafakatan yang dibuat dahulu berjaya," kata Abdullah.

Abdullah berkata, Perdana Menteri Croatia itu juga bersetuju untuk menerima sebuah syarikat penerbangan negara ini iaitu Air Asia untuk membuat penerbangan ke Zagreb.

Sebelum ini hanya Penerbangan Malaysia (MAS) yang mendapat hak pendaratan di Zagreb dan perbincangan susulan mengenai perkara itu akan dibuat oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dengan pihak-pihak tertentu di negara itu.

"Dr Mahathir telah mencadangkan mungkin satu formula "code sharing" diadakan antara syarikat penerbangan Malaysia dan Croatia," katanya.

Menurut beliau, Perdana Menteri juga turut mengucapkan terima kasih kepada Croatia yang banyak mengimport kereta buatan negara ini yang

mendapat pasaran baik di sana," katanya.

Sebelum itu, Matesa yang tiba semalam untuk lawatan tiga hari, diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen, pagi ini. -- BERNAMA

NZ PR